

13/05/2000

Keputusan bukan arahan Dr M

UMNO bahagian Kubang Pasu menjelaskan bahawa pemilihan tiga calon Naib Presiden oleh bahagian itu yang kebetulan memenangi jawatan berkenaan pada pemilihan semalam, bukan dirancang.

Ketua Pemudaanya, Mohamad Radzi Ayob berkata, perwakilan sendiri yang membuat keputusan untuk memilih kombinasi Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Keputusan itu bukannya atas `arahan' Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Presiden selalu memberi petunjuk kepada semua perwakilan untuk memilih calon yang berkaliber. Jadi seperti bahagian lain, Kubang Pasu juga memilih calon-calon berkenaan.

"Ini kerana, kami merasakan ketiga-tiga calon yang kami pilih itu adalah satu kombinasi mantap untuk membawa perjuangan Melayu dalam menghadapi cabaran alaf baru," katanya ketika ditemui di Perhimpunan Agung Umno di sini, hari ini.

Najib, Muhammad dan Muhyiddin mengulangi sejarah 1993 apabila memenangi jawatan Naib Presiden dalam perhimpunan agung parti semalam.

Mohamad Radzi berkata, dengan barisan pemimpin baru yang dianggap seimbang dan mantap ini, bahagian Kubang Pasu yakin yang segala visi dan matlamat Presiden dapat dicapai.

(END)